

13 NOV 2000

Mahathir-Tentera

M'SIA SEDIA HANTAR TENTERA UNTUK LINDUNGI RAKYAT PALESTIN

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA (Qatar), 13 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sedia mengambil bahagian dalam sebarang operasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi melindungi rakyat Palestin yang sedang diancam tentera Israel.

Bercakap pada persidangan media pada acara sampingan sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini, beliau berkata: "Kita mempunyai persetujuan bahawa PBB perlu campur tangan dan menyediakan pasukan tentera bagi melindungi rakyat Palestin.

"Malaysia sudah bersedia untuk mengambil bahagian (ketenteraan)," katanya.

Presiden Palestin Yasser Arafat mendesak perlindungan ketenteraan PBB di Palestin yang dilanda keganasan, menyebabkan kematian beratus-ratus orang, kebanyakannya Arab Palestin.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata OIC boleh membuat kenyataan kukuh membabitkan isu Palestin tetapi "orang sedang menunggu kita melakukan sesuatu yang akan menggambarkan kandungan kenyataan itu."

Ditanya mengenai kenyataan yang akan dikeluarkan pada akhir sidang kemuncak itu, perdana menteri berkata ia akan ditujukan kepada Israel dan juga Amerika Syarikat, penyokong utama negara Yahudi itu.

Dr Mahathir berkata ada kemungkinan ia tidak hanya sebagai simbolik.

"Sesuatu yang buruk mungkin berlaku dan mereka terpaksa menoleh ke belakang dan melakukan sesuatu mengenainya. Dan pada masa ini kanak-kanak dibunuh hanya kerana mereka membaling batu. Dan saya rasa semua ini ada hadnya," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata negara OIC kini sudah bersedia mencadangkan tindakan drastik bagi menunjukkan rasa tidak senang 56 anggota pertubuhan itu terhadap apa yang berlaku di Palestin akibat tindakan keras kepala Israel.

Dr Mahathir juga menyambut baik langkah yang diambil oleh negara-negara Islam yang mempunyai hubungan dengan Tel Aviv untuk memutuskan hubungan seperti yang dilakukan oleh Qatar sebelum bermulanya sidang kemuncak itu.

"Ia merupakan tindakan positif bagi menunjukkan rasa tidak gembira kita terhadap cara rakyat Palestin dilayani. Dan ada perkara lain yang boleh kita lakukan jika kita mengkaji keupayaan kita," katanya.

Mesyuarat itu katanya juga menerima mengenai perlunya perubahan dalam OIC.

Dr Mahathir mengegsa perubahan itu dalam ucapannya pada pembukaan sidang kemuncak itu semalam. Beliau mewakili Kumpulan negara Asia.

Beliau juga berkata ada kemungkinan kuat Malaysia akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak OIC ke-10 pada 2003.

"Banyak tindakan melobi dan perbincangan dan ada kemungkinan cerah bahawa kita mungkin boleh menjadi tuan rumah pada persidangan akan datang.

"Dan kita membiarkan perkara ini diputuskan sama ada untuk menarik atau tidak dan juga keputusan keseleruhan badan OIC itu," katanya.

Selain Malaysia, Senegal dan Gambia dikatakan berminat untuk menjadi tuan rumah perhimpunan para pemimpin Islam tiga tahun sekali itu.

Perdana Menteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini.

-- BERNAMA

MAM AR LAT